

**Lembaran Pendedahan Produk**

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Semua Risiko Kontraktor . Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

## INSURANS SEMUA RISIKO KONTRAKTOR

<b>1.</b>	<b>Apakah produk ini?</b>						
<p>Polisi ini direka untuk memenuhi keperluan insurans ditetapkan kepada anda di bawah syarat kontrak. Polisi ini melindungi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan selaras dengan kontrak, kerja-kerja sementara, bahan-bahan, peralatan jentera, mesin binaan yang digunakan ditapak binaan dan liabiliti yang dikehendaki undang-undang kepada pihak ketiga semasa perlaksanaan kontrak tersebut.</p>							
<b>2.</b>	<b>Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?</b>						
<p>Polisi ini memberi perlindungan berikut:-</p> <p>(a) Seksyen 1 – Kerosakan Kebendaan</p> <p>melindungi kejutan dan kemungkinan kerugian fizikal atau kerosakan berkaitan semua risiko (kecuali yang telah dinyatakan dalam pengecualian polisi) kepada kerja kontrak atau harta benda yang diinsuranskan semasa tempoh insurans.</p> <p>(b) Seksyen 2 – Liabiliti Pihak Ketiga</p> <p>mengganti rugi anda terhadap semua jumlah yang anda mungkin akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang mengakibatkan :-</p> <p>(i) kecederaan anggota badan atau kesakitan kepada pihak ketiga  (ii) kehilangan atau kerosakan kepada harta kepunyaan pihak ketiga.</p> <p>Dengan pembayaran premium tambahan, polisi ini boleh dilanjutkan perlindungannya keatas pelanjutan berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rusuhan, mogok dan niat jahat</li> <li>• Penyenggaraan yang dilanjutkan</li> <li>• Caj tambahan untuk bekerja lebih masa, bekerja malam, bekerja pada cuti umum, pengangkutan laju</li> <li>• Caj tambahan untuk pengangkutan udara</li> <li>• Barangan dalam transit</li> <li>• Risiko pereka bentuk</li> <li>• Perlindungan kepada kerja-kerja kontrak telah diambilalih dan digunakan</li> </ul>							
<b>3.</b>	<b>Berapakah premium yang saya perlu bayar?</b>						
<p>Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada risiko pendedahan, penambahan yang anda pilih untuk diinsuranskan dan keperluan pengunderaitan Syarikat Insurans.</p>							
<b>4.</b>	<b>Apakah kadar dan caj yang saya perlu bayar?</b>						
<table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 45%;">Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:</td> <td style="text-align: right;">Jumlah</td> </tr> <tr> <td>a. Cukai Barangan Dan Perkhidmatan</td> <td style="text-align: right;">0% daripada premium</td> </tr> <tr> <td>b. Duti Setem</td> <td style="text-align: right;">RM10</td> </tr> </table> <p>Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 15% daripada premium.</p>		Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah	a. Cukai Barangan Dan Perkhidmatan	0% daripada premium	b. Duti Setem	RM10
Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Jumlah						
a. Cukai Barangan Dan Perkhidmatan	0% daripada premium						
b. Duti Setem	RM10						

## Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Semua Risiko Kontraktor . Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

<b>5.</b>	<b>Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kewajipan pendedahan</b> : anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda, jika tidak, polisi anda akan dianggap tidak sah dan dimansuhkan. Anda harus memastikan borang lengkap sepenuhnya kerana ia mewakili kontrak asas insurans anda.</li> <li>• Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan yang dinyatakan di bawah ini:-             <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kerja kontrak – Nilai penuh kontrak tersebut setelah siap sepenuhnya</li> <li>(b) Peralatan jentera dan mesin binaan – Nilai pengembalian semula peralatan jentera dan mesin binaan</li> </ul> </li> </ul> <p>Sekiranya jumlah diinsuranskan dalam polisi anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian, anda harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata ini akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Syarat Sumbangan</b> : Jika ketika berlakunya apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dilindungi oleh Polisi ini terdapat insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti sedemikian, kami tidak bertanggung jawab lebih daripada pekadaran setimpal.</li> </ul>	
<b>6.</b>	<b>Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?</b>
<p>Polisi ini tidak melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perlakuan sengaja atau kecuaiian sengaja</li> <li>• kehausan dan keusangan</li> <li>• kesilapan rekabentuk</li> <li>• kos penggantian, pembaikan atau pembedulan bahan dan/atau hasil kerja</li> <li>• kerugian turutan dalam apa jua bentuk</li> <li>• kerugian atau kerosakan yang mana pengilang or pembekal benda diinsuranskan akan dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang atau di bawah kontrak</li> <li>• kegelinciran mekanikal dan/atau kecacatan berkenaan elektrik atau kekalutan peralatan dan jentera pembinaan</li> <li>• Perang, perang saudara dan mana – mana tindakan keganasan</li> <li>• Risiko radioaktif dan tenaga nuklear</li> </ul> <p>Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian di bawah polisi ini</p>	
<b>7.</b>	<b>Bolehkah saya batalkan polisi ini?</b>
<p>Polisi ini tiada syarat pembatalan.</p>	
<b>8.</b>	<b>Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?</b>
<p>Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.</p>	
<b>9.</b>	<b>Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan?</b>
<p>Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertakan butir-butir penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda. Anda tidak boleh mengaku salah, menawar, berjanji, membayar pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.</p>	

## Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Semua Risiko Kontraktor . Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am)

<b>10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan?</b>
Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang di lantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.
<b>11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?</b>
Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di <a href="http://www.mpigenerali.com">www.mpigenerali.com</a>  MPI Generali Insurans Berhad (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia) 8th Floor, Menara Multi-Purpose Capital Square 8, Jalan Munshi Abdullah 50100 Kuala Lumpur  Tel: +603 2034 9888 Fax: +603 2694 5759 Email: <a href="mailto:generalenquiries@mpigenerali.com">generalenquiries@mpigenerali.com</a> Fax: 603-2694 5759
<b>12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan ?</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Polisi Insurans Semua Risiko Pembinaan</li></ul>

### NOTA PENTING:

**ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.**

**ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran ini adalah sah pada 01/06/2018